



Translated: January 2026

Hepatitis C

Satu-satunya cara untuk mengetahui sama ada kita menghidap hepatitis C adalah melalui ujian darah.

Hepatitis C boleh dirawat dan disembuhkan dengan mengambil ubat selama 8 – 12 minggu.

Jika anda menyuntik dadah, pastikan sentiasa menggunakan jarum dan picagari milik sendiri yang baharu dan steril serta air steril, demi melindungi diri daripada dijangkiti hepatitis C. Selain itu, gunakan sudu, swab, turas dan torniket milik anda sendiri.

Anda juga boleh mendapat hepatitis C melalui tatu atau tindik. Gunakan jarum baharu untuk bertindik atau bertatu. Sebaik-baiknya dapatkan tatu dan tindik oleh artis profesional di studio.

Bagaimanakah anda dijangkiti hepatitis C?

Anda mendapat hepatitis C apabila aliran darah dimasuki darah orang yang menghidap hepatitis C.

Kebanyakan orang mendapat hepatitis C melalui suntikan dadah, terutama berkongsi jarum, picagari dan peralatan suntikan lain dengan orang yang menghidap hepatitis C.

Satu lagi cara mendapat hepatitis C adalah melalui seni hiasan tubuh (seperti tatu atau tindik) yang dibuat tanpa menggunakan peralatan baharu (steril atau sekali guna).

Anda juga boleh dijangkiti hepatitis C jika:

- berkongsi pisau cukur, berus gigi dan alat-alat upacara
- aliran darah anda dimasuki darah penghidap hepatitis C melalui luka akibat pergaduhan atau bersukan
- melakukan hubungan seks tanpa kondom (atau kondom pecah) dan terdapat darah.

Risiko menghidap hepatitis C juga lebih tinggi jika anda pernah dipenjarakan.

Bayi boleh mendapat hepatitis C daripada ibu semasa dalam kandungan dan semasa dilahirkan.

Bagaimanakah saya tahu jika saya menghidap hepatitis C?

Satu-satunya cara mengetahui dengan pasti jika anda menghidap hepatitis C adalah melalui ujian darah. Ujian boleh didapatkan di mana-mana klinik kesihatan atau doktor. Tidak perlu memberitahu pekerja kesihatan mengapa anda fikir anda mungkin menghidap hepatitis C. Mereka akan berbincang dengan anda secara peribadi sebelum ujian supaya anda tahu apa yang akan terjadi.

Ujian hepatitis C adalah percuma jika ada kad Medicare. Anda hanya perlu membayar untuk janji temu dengan pekerja kesihatan, dan di sesetengah tempat khidmat ini juga percuma.

[Cari perkhidmatan \(laman luaran\)](#) bagi mendapatkan ujian darah Hepatitis C.

Jika bimbang keadaan urat anda kurang sempurna untuk ujian darah, terdapat beberapa tempat yang dapat mengambil darah melalui tusukan jari bagi ujian hepatitis C. Keputusan ujian tusukan jari dapat diperolehi dengan cepat. Layari [Peer Based Harm Reduction WA \(laman luaran\)](#) atau [Hepatitis WA \(laman luaran\)](#) untuk mengetahui lebih lanjut tentang ujian hepatitis C melalui tusukan jari.

Bagaimanakah rawatan hepatitis C?

Terdapat ubat-ubatan yang sangat baik bagi menyembuhkan hepatitis C. Dengan menelan sebiji pil setiap hari selama dua hingga tiga bulan, anda boleh sembuh daripada hepatitis C.

Sesetengah orang berfikir mereka perlu berhenti menggunakan atau menyuntik dadah untuk mendapatkan rawatan hepatitis C, tetapi itu tidak benar. Anda boleh terus menggunakan jika mahu, sambil menjalani rawatan.

Pastikan anda menggunakan jarum dan picagari baharu serta peralatan suntikan milik sendiri demi mengelakkan daripada dijangkiti hepatitis C lagi semasa menerima rawatan.

Walaupun sudah sembuh, anda masih boleh dijangkiti hepatitis C jika terdedah kepadanya lagi. Oleh itu, penting untuk melindungi diri daripada hepatitis C.

Untuk mendapatkan ubat, berbincanglah dengan pekerja kesihatan atau [cari perkhidmatan \(laman luaran\)](#) yang dapat membantu.

Bagaimanakah cara melindungi diri daripada hepatitis C?

Anda juga boleh melindungi diri dan orang lain daripada hepatitis C dengan cara:

- hanya menggunakan berus gigi, flos gigi dan pisau cukur milik sendiri
- tidak membiarkan darah orang lain memasuki aliran darah anda – semua luka dan kudis hendaklah dibalut
- memakai kondom, dam/perintang dan pelincir berasaskan air setiap kali melakukan hubungan seks.

Tiada vaksin untuk hepatitis C.

Bagi mereka yang menyuntik dadah

Mereka yang menggunakan peralatan suntikan yang telah digunakan penghidap hepatitis C besar kemungkinan akan mendapat hepatitis C. Jarum, picagari atau peralatan suntikan lain itu mungkin mengandungi darah walaupun tidak kelihatan. Darah itu boleh membawa hepatitis C.

Demi mengelakkan dijangkiti hepatitis C, gunakan jarum dan picagari baharu setiap kali menyuntik dadah.

Jangan sekali-kali berkongsi jarum dan picagari, walaupun dengan sahabat atau keluarga. Selain itu, gunakan sudu, swab, turas, air steril dan torniket milik anda sendiri.

Anda boleh dapatkan bekalan jarum dan picagari baharu dalam program jarum dan picagari (NSP). Gunakan [peta ini \(laman luaran\)](#) untuk mencari NSP yang terdekat dengan anda. Kebanyakan farmasi menjual pek jarum dan picagari, tetapi ada banyak tempat lain untuk mendapatkan bekalan jarum dan picagari baharu secara percuma.

Orang yang menyuntik dadah juga berisiko dijangkiti [hepatitis B](#) atau [HIV](#) jika berkongsi peralatan suntikan.

Tatu dan tindik tubuh

[Tatu atau tindik tubuh](#) menggunakan jarum atau peralatan lain yang telah dipakai orang lain boleh menyebabkan jangkitan hepatitis C. Lindungi diri daripada hepatitis C dengan memastikan tatu atau tindik dilakukan hanya dengan jarum baharu (steril), serta pisau cukur dan dakwat sekali guna setiap kali.

Sebaiknya, dapatkan tatu dan tindik oleh artis profesional di studio. Jika tatu atau tindik dilakukan oleh sahabat atau keluarga di tempat yang bukan studio, mereka mungkin tidak cukup peralatan baharu yang belum dipakai orang lain. Hal ini boleh menyebabkan jangkitan hepatitis C walaupun sesama sahabat atau keluarga.

Penting membuang jarum dan picagari dengan berhati-hati. Ketahui lebih lanjut tentang [pelupusan jarum dan picagari secara selamat](#).

Terjemahan penerangan tentang hepatitis C

- Layari [all good \(laman luaran\)](#).

Tempat untuk mendapatkan bantuan

- Berjumpalah dengan doktor atau klinik kesihatan anda.
- Hubungi talian bantuan [Hepatitis WA \(laman luaran\)](#) (9328 8538 untuk panggilan metropolitan atau 1800 800 070 untuk panggilan luar bandar).
- Hubungi [Peer Based Harm Reduction WA \(laman luaran\)](#) (08) 9325 8387.
- Hubungi [Talian Bantuan Kesihatan Seksual \(laman luaran\)](#) (9227 6178 untuk panggilan metropolitan atau 1800 198 205 untuk panggilan luar bandar).
- Hubungi [healthdirect \(laman luaran\)](#) di nombor 1800 022 222.

- Hubungi [unit kesihatan penduduk tempatan \(laman luaran\)](#), jururawat komuniti atau pekerja kesihatan anda.
- Muat turun [aplikasi mudah alih ACE \(Akses, Penjagaan dan Pemerksaan\)](#) bagi mereka yang menyuntik dadah untuk membantu mengurangkan kemudaratan pada diri sendiri dan orang lain.

This document can be made available in alternative formats on request for a person with disability.

© Department of Health 2025

Copyright to this material is vested in the State of Western Australia unless otherwise indicated. Apart from any fair dealing for the purposes of private study, research, criticism or review, as permitted under the provisions of the Copyright Act 1968, no part may be reproduced or re-used for any purposes whatsoever without written permission of the State of Western Australia.

health.wa.gov.au

Classification: Official